



**SEKTOR SEKOLAH BERASRAMA PENUH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PANDUAN PEMARKAHAN
SISTEM RUMAH**

PANDUAN PERMARKAHAN SISTEM RUMAH

1. Latar Belakang

Bermula tahun 2005, semua SBP telah melaksanakan Sistem Rumah sepenuhnya. Salah satu aspek penting dalam sistem ini adalah pemarkahan. Bagi memudahkan sekolah-sekolah menentukan markah dan kedudukan semasa rumah-rumah, perisian ISIS yang sedang digunakan di semua SBP akan dinaik taraf untuk tujuan ini.

Mesyuarat Pengetua-pengetua SBP di Hotel Heritage, Ipoh pada bulan Mach 2005 telah bersetuju untuk menyeragamkan pemberatan pemarkahan Sistem Rumah di semua SBP.

Satu mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh En Abd Ghafar b Mahmud, KPP Sektor SBP telah diadakan di SMAP Labu pada 26 April 2005 bagi menyelaraskan pemarkahan Sistem Rumah .

2. Objektif Dokumen

2.1 Menyeragamkan format dan pemberatan dalam pemberian markah untuk Sistem Rumah yang kini diamalkan di semua Sekolah Berasrama Penuh.

2.2 Memberi panduan kepada semua SBP mengenai pemberatan yang akan digunakan dalam pemberian markah

3. Prinsip-prinsip yang digunakan dalam menyediakan panduan ini

3.1 Kelelasan

3.2 Menyedari potensi/ bakat murid-murid

3.3 Ke arah pembentukan sahsiah/ akhlak murid-murid

3.4 Berlaku adil kepada semua murid

3.5 Kemampuan pelaksanaan

4. Elemen-elemen yang akan dinilai

4.1 Akademik

4.2 Kokurikulum

4.3 Sahsiah

4.4 3K (Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan)

5. Akademik

Pencapaian murid-murid dalam bidang akademik akan menyumbangkan markah kepada Rumah dan juga dirinya. Markah akan diberi berdasarkan kepada Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperolehi oleh murid tersebut berdasarkan kepada jadual di bawah :

5.1 Menengah Atas

PNG Keseluruhan	Mata
4.0	+50
3.75-3.99	+40
3.50-3.74	+35
3.00-3.49	+30
2.75-2.99	+20
2.50- 2.74	+10
2.00 - 2.49	0
1.50 – 1.99	-10
0- 1.49	-20

5.2 Menengah Rendah

PNG Keseluruhan	Mata
4.0	+50
3.75-3.99	+40
3.50-3.74	+30
3.00-3.49	+20
2.75-2.99	+5
2.50- 2.74	0
2.00 - 2.49	-10
1.50 – 1.99	-20
0- 1.49	-30

Hanya 4 peperiksaan akan diambil kira untuk dihimpunkan ke dalam markah Sistem Rumah seperti di bawah :

- Peperiksaan Pertengahan Penggal 1
- Peperiksaan Pertengahan Tahun
- Peperiksaan Pertengahan Penggal 2
- Peperiksaan Akhir Tahun / Peperiksaan Percubaan PMR / Peperiksaan Percubaan SPM

(Nota : Pencapaian murid dalam setiap subjek tidak akan diambil kira di dalam pengiraan markah untuk Sistem Rumah)

6. Kokurikulum

Tiga aspek kokurikulum akan menyumbangkan markah kepada Sistem Rumah iaitu

- Penglibatan murid dalam unit-unit kokurikulum iaitu Persatuan/Kelab, Badan Beruniform dan Sukan/Permainan
- Pencapaian murid dalam unit-unit kokurikulum iaitu Persatuan/Kelab, Badan Beruniform dan Sukan/Permainan dan
- Penglibatan murid dalam sesuatu acara seperti Merentas Desa, Kejohanan Olahraga dan Sukantara

6.1 Markah Penglibatan

Peringkat	Markah
Sekolah	3
Zon/Daerah/SBP (Zon)	5
Negeri / SBP (Kebangsaan)	10
Kebangsaan	15
Antarabangsa	20

6.2 Markah Pencapaian

Peringkat	Johan	Naib Johan	Ketiga
Sekolah	3	2	1
Zon/Daerah/SBP (Zon)	5	4	3
Negeri / SBP (Kebangsaan)	10	8	6
Kebangsaan	15	13	11
Antarabangsa	20	18	16

(Nota : Tiada perbezaan markah berdasarkan jenis acara samada individu atau kumpulan)

6.3 Markah Acara

Acara	Kategori		
	Penyertaan	Kelayakan	Pencapaian
Merentas desa	1	2	Johan – 20; Naib Johan- 18 Ke-3 – 16; Ke-4 – 14; Ke-5 –12 Ke-6 – 10; Ke-7 – 9; Ke-8 – 8 Ke-9 – 7; Ke-10 – 6
Sukantara	1	2	
Road Relay	1	-	Johan – 20; Naib Johan- 18 Ke-3 – 16; Ke-4 – 14; Ke-5 – 12 Ke-6 – 10;Ke-7 – 9; Ke-8 – 8 Ke-9 – 7; Ke-10 – 6
Perbarisan	1	-	Johan – 20;Naib Johan - 10 Ke-3 - 5

Contoh:

Seorang murid telah mendapat Johan dalam acara Merentas Desa .

Markah yang dipungut oleh beliau ialah 23 (1 untuk penyertaan, 2 untuk kelayakan dan 20 untuk pencapaian)

7. Sahsiah

Aspek sahsiah yang akan menyumbangkan markah kepada Sistem Rumah adalah

1. Salahlaku (Demerit)
2. Kepimpinan (Jawatan yang disandang)
3. Khidmat bakti dan “Special Talent”

7.1 Salahlaku

Markah negatif (demerit) akan dikenakan kepada semua salahlaku disiplin mengikut kategori seperti yang dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Iktisas Bil KP(BS)8591/Jld. XV11(7)** bertarikh **29 Oktober 2003**

Kategori salahlaku	Markah
Berat	-30
Sederhana	-10
Ringan	-3

(Nota : Markah tidak dipengaruhi oleh jenis tindakan yang dikenakan ke atas murid apabila melakukan sesuatu salahlaku disiplin. Sebagai contoh , walaupun seseorang murid itu telah digantung persekolahannya kerana telah keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran , markah yang dikenakan ke atas beliau dan rumahnya adalah -10 kerana kesalahan ini adalah di bawah kategori kesalahan sederhana.)

7.2 Kepimpinan

Markah untuk kepimpinan murid akan diberi berdasarkan kepada peringkat jawatan yang disandang iaitu

- Peringkat Tinggi
- Peringkat Sederhana dan
- Peringkat Biasa

Jawatan	Markah
PERINGKAT TINGGI	
Ketua Pengawas	50
Penolong Ketua Pengawas	40
Kapten Rumah (<i>Kapten Rumah mesti dilantik dari kalangan pengawas</i>)	35
Setiausaha Pengawas	30
Bendahari Pengawas	25
PERINGKAT SEDERHANA	
Pengawas biasa	20
Ketua-ketua Badan Kepimpinan murid yang lain	20
Ketua Imam	20
PERINGKAT BIASA	
AJK Badan Kepimpinan murid	10
Imam/Bilal	10
Naqib/Naqibah	7
Ketua Kelas/Ketua Dorm/Ketua Blok	7

(Nota : Sekiranya seseorang murid memegang lebih dari satu jawatan, hanya markah dari jawatan yang paling tinggi akan diambil kira)

7.3 Khidmat Bakti dan “Special Talent”

Penglibatan murid dalam khidmat bakti di dalam dan luar sekolah juga akan diberi pengiktirafan dalam Sistem Rumah. Markah-markah akan diberikan berdasarkan kepada peringkat penglibatan murid-murid dalam khidmat bakti iaitu:

- Peringkat sekolah
- Peringkat masyarakat

7.3.1 Khidmat Bakti Peringkat Sekolah

Khidmat bakti yang dianjurkan di dalam atau luar kawasan sekolah oleh sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri atau mana-mana institusi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Antara contoh aktiviti khidmat bakti di peringkat sekolah adalah

- Terlibat sebagai AJK acara rasmi sekolah seperti Pendaftaran Murid Baru, Kejohanan Olahraga Tahunan, Kejohanan Merentas Desa, Sambutan Hari Guru, Hari Kecemerlangan Sekolah dan sebagainya.

7.3.2 Khidmat Bakti Peringkat Masyarakat

Khidmat bakti yang dianjurkan di dalam atau luar kawasan sekolah oleh institusi atau badan-badan selain dari institusi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Antara contoh khidmat bakti di peringkat luar sekolah adalah menghulurkan bantuan perkhidmatan sosial kepada masyarakat luar sekolah yang dibenarkan seperti

- mengambil bahagian dalam aktiviti gotong royong membersihkan kubur
- memberi bantuan di rumah orang-orang tua.
- memberi bantuan di rumah /pusat orang-orang cacat
- mewakili kumpulan koir untuk sesuatu acara yang dianjurkan Majlis Daerah.
- mengambil bahagian dalam malam kebudayaan anjuran Persatuan Murid-murid Tua.

Peringkat penglibatan	Markah
Sekolah	2
Luar Sekolah / Masyarakat	4

7.3.3 “Special Talent”

Markah akan diberi kepada murid dan rumah sebagai mengiktiraf kebolehan seseorang murid dalam bidang-bidang tertentu seperti bermain piano, melukis , menulis perisian komputer dan sebagainya yang tiada pertandingan khusus dianjurkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, SBP atau Kementerian Pelajaran Malaysia. Markah tidak diberi kepada penglibatan tetapi hanya ke atas pencapaian murid dalam sesuatu pertandingan seperti jadual di bawah. :

	Negeri	Kebangsaan	Antarabangsa
Johan	10	15	20
Naib Johan	8	13	18
Ketiga	6	11	16

8. Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan (3K)

Markah akan diberi kepada Rumah dan individu yang menganggotai kelas dan kamar yang berjaya melepasi tahap piawai . Kelas atau kamar yang berjaya melepasi tahap piawai minimum akan diberi markah manakala kelas atau kamar yang gagal melepasi piawai ini akan ditolak markah.

8.1 Markah untuk 3K (Kelas)

Markah untuk individu	Melempi piawai (> 70 %)	Zon selesa	Tidak melepasi piawai	
		61 %- 70 %	50 % - 60%	0 – 49 %
Johan : + 5	0	-2	-3	
Naib Johan : +3				
Ketiga : + 2				
Lain-lain : +1				

8.2 Markah untuk 3K (Asrama)

Markah untuk Rumah	Melempi piawai (> 70 %)	Zon selesa	Tidak melepasi piawai	
		61 % - 70 %	50 % - 60%	0 – 49 %
Johan : + 50	0	-20	-30	
Naib Johan : +30				
Ketiga : + 20				
Lain-lain : +10				